

**WANITA, PATRIARKI DAN  
KONSUMERISME: SATU ANALISIS TERHADAP  
DUA MAJALAH WANITA TEMPATAN**

**LIEW PENG PINK**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
2020**

**WANITA, PATRIARKI DAN  
KONSUMERISME: SATU ANALISIS TERHADAP  
DUA MAJALAH WANITA TEMPATAN**

**oleh**

**LIEW PENG PINK**

**Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Sarjana Sastera**

**Julai 2020**

## **PENGHARGAAN**

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua-dua penyelia saya, Puan Wang Lay Kim dan Dr. Ngo Sheau Shi atas bimbingan, kesabaran, maklum balas, sokongan mental dan segala bentuk bantuan yang tidak ternilai sepanjang proses penulisan tesis ini. Tanpa mereka, saya tidak akan mampu menyelesaikan penulisan tesis ini. Selain itu, saya juga ingin menyampaikan penghargaan kepada pensyarah-pensyarah lain atas bantuan dari segi akademik dan sokongan mental yang diberikan.

Seterusnya, saya benar-benar menghargai galakan dan sokongan mental dan kewangan daripada bapa saya, Encik Liew Hing Hon dan ibu saya, Puan Wong Lean Fah. Tanpa cinta, kasih sayang dan dorongan mereka, saya akan menghadapi masalah kewangan untuk meneruskan pengajian saya.

Di samping itu, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada staf-staf Pusat Pengajian Komunikasi Universiti Sains Malaysia yang memberikan bantuan teknikal kepada saya. Akhir sekali, saya menghargai segala nasihat dan sokongan yang diberikan oleh ahli keluarga, rakan dan jiran sepanjang penulisan tesis ini.

# Isi Kandungan

<b>PENGHARGAAN .....</b>	ii
<b>SENARAI JADUAL .....</b>	v
<b>SENARAI RAJAH.....</b>	ix
<b>SENARAI SINGKATAN .....</b>	x
<b>SENARAI LAMPIRAN.....</b>	xi
<b>ABSTRAK .....</b>	xii
<b>ABSTRACT .....</b>	xiii
<b>BAB 1 PENGENALAN .....</b>	1
1.0 Pengenalan .....	1
1.1 Latar Belakang Kajian.....	2
1.2 Ketidakseimbangan Gender, Patriarki Dan Konsumerisme.....	18
1.3 Pernyataan Masalah .....	27
1.4 Objektif Kajian.....	27
1.5 Persoalan Kajian.....	28
1.6 Kepentingan Kajian.....	29
<b>BAB 2 SOROTAN LITERATUR.....</b>	30
2.0 Pengenalan .....	30
2.1 Pemaparan Wanita Dalam Majalah Wanita .....	33
2.2 Pemaparan Wanita Dalam Majalah Wanita Di Malaysia .....	48
2.3 Rumusan.....	59
<b>BAB 3 KERANGKA TEORI .....</b>	61
3.0 Pengenalan .....	61
3.1 Feminisme .....	61
3.1.1 Teori Feminisme Di Negara Barat .....	70
3.1.2 Feminisme di Malaysia .....	78
3.2 Patriarki .....	86
3.3 Konsumerisme .....	90
<b>BAB 4 METODOLOGI.....</b>	104
4.0 Pengenalan .....	104
4.1 Sampel Kajian .....	106
4.2 Pendekatan Kuantitatif - Analisis Kandungan .....	110
4.2.1 Konseptualisasi Dan Proses Pengumpulan Data.....	111

4.3 Pendekatan Kualitatif - Analisis Teks .....	120
4.3.1 Konseptualisasi Dan Proses Pengumpulan Data.....	121
4.4 Batasan Kajian .....	130
<b>BAB 5 DAPATAN KAJIAN.....</b>	<b>132</b>
5.0 Pengenalan .....	132
5.1 Struktur Majalah Wanita Terpilih .....	132
5.2 Bentuk Patriarki: Domain Domestik Dan Domain Awam.....	141
5.3 Darjah Patriarki: Tema Artikel Dalam Domain Awam .....	143
5.4 Darjah Patriarki - Kolektiviti: Fokus Individu Dan Fokus Kolektif .....	143
5.5 Darjah Patriarki : Analisis Teks Mengenai Bahasa Dan Ideologi Dalam Artikel Rencana .....	146
5.5.1 Rumusan Terhadap Darjah Patriarki Mengenai Bahasa Dan Ideologi Dalam Artikel Rencana .....	167
5.6 Darjah Patriarki -Kebolehlihatan: Analisis Terhadap Kulit Hadapan Majalah .	171
5.6.1 Rumusan Terhadap Darjah Patriarki Mengenai Kebolehlihatan Pada Kulit Hadapan Majalah Wanita .....	204
<b>BAB 6 PERBINCANGAN.....</b>	<b>208</b>
6.0 Pengenalan .....	208
6.1 Wanita Lebih Dipaparkan Dalam Domain Awam: Wanita Berkerjaya Yang Gigih Dalam Kehidupan.....	209
6.2 Ideologi Tersembunyi Menerusi Pemaparan Wanita: Wanita Berkerjaya Yang Terbelenggu Dengan Idea-idea Patriarki.....	212
6.3 Kejayaan Wanita Diartikulasikan Dalam Konteks Fesyen, Kecantikan Dan Konsumerisme: Pemaparan Wanita Sebagai Konsumen Dalam Domain Awam .....	218
6.4 Kepentingan Individu Dijadikan Prioriti: Pemaparan Wanita Berkerjaya Yang Terpengaruh Dengan Ideologi Konsumerisme .....	229
<b>BAB 7 KESIMPULAN .....</b>	<b>232</b>
<b>RUJUKAN .....</b>	<b>240</b>
<b>LAMPIRAN</b>	

## **SENARAI JADUAL**

	<b>Halaman</b>
Jadual 1	Bilangan Penerima Gaji Bulanan dan Gaji Bulanan Purata bagi Lelaki dan Wanita dari Tahun 2013 hingga 2017 ..... 7
Jadual 2	Gaji Bulanan Lelaki dan Wanita Secara Purata Mengikut Pekerjaan dan Jantina Tahun2017 ..... 8
Jadual 3	Peratusan Perwakilan Wanita di Parlimen (Dewan Rakyat) Malaysia dari tahun 1974 hingga tahun 2017 ..... 8
Jadual 4	Kes Keganasan Terhadap Wanita yang Dilaporkan di Malaysia (2006 - 2015) ..... 11
Jadual 5	Sifat Gender Berdasarkan Stereotaip Gender Tradisional ..... 31
Jadual 6	Kriteria Pemaparan dan Proses Pengekodan ..... 52
Jadual 7	Maklumat Ringkas Mengenai Majalah Wanita Terpilih Sebagai Sampel Kajian ..... 106
Jadual 8	Proses Pengumpulan Data Mengenai Bentuk Patriarki (Domain Domestik dan Domain Awam) ..... 114
Jadual 9	Proses Pengumpulan Data Mengenai Darjah Patriarki (Tema-tema Artikel) ..... 116
Jadual 10	Proses Pengumpulan Data Mengenai Darjah Patriarki (Fokus Artikel) ..... 118
Jadual 11	Proses Pengumpulan Data Mengenai Darjah Patriarki dalam Artikel Rencana (Bahasa dan Ideologi) ..... 122
Jadual 12	Proses Pengumpulan Data Mengenai Darjah Patriarki dalam Kulit Hadapan Majalah (Maklumat Berkaitan dengan Wanita

	dan Aspek Penggambaran Potret) .....	124
Jadual 13	Objektif Kajian (Konsep Penting), Operasionalisasi dan Pendekatan.....	130
Jadual 14	Bilangan Artikel Majalah <i>Wanita</i> dan Majalah <i>Nona</i> Mengikut Genre .....	133
Jadual 15	Bilangan Produk yang Dipromosikan dalam Advertorial Majalah <i>Wanita</i> dan <i>Nona</i> .....	134
Jadual 16	Tema Artikel bagi Rencana Majalah <i>Wanita</i> dari Oktober 2016 hingga Mac 2017.....	135
Jadual 17	Tema Artikel bagi Rencana Majalah <i>Nona</i> dari Oktober 2016 hingga Mac 2017.....	136
Jadual 18	Tema Artikel bagi Artikel Berbentuk Petua dan Cadangan dalam Majalah <i>Wanita</i> dari Oktober 2016 hingga Mac 2017 .....	138
Jadual 19	Tema Artikel bagi Artikel Berbentuk Petua dan Cadangan dalam Majalah <i>Nona</i> dari Oktober 2016 hingga Mac 2017 .....	139
Jadual 20	Gender Wartawan Secara Keseluruhan dalam Majalah <i>Wanita</i> dan <i>Nona</i> .....	140
Jadual 21	Bilangan Sumber Artikel Mengikut Genre Artikel Secara Keseluruhan dalam Kedua-dua Majalah Wanita Terpilih.....	141
Jadual 22	Sumber Artikel (Jantina dan Fungsi dalam Artikel) Secara Keseluruhan dalam Kedua-dua Majalah Wanita Terpilih.....	141
Jadual 23	Tema Artikel (Domain Domestik/Domain Awam) Secara Keseluruhan dalam Majalah <i>Wanita</i> dan <i>Nona</i> .....	142
Jadual 24	Fokus Artikel (Individu/Kolektif) Secara Keseluruhan dalam Majalah <i>Wanita</i> dan <i>Nona</i> .....	144

Jadual 25	Bilangan Artikel yang Membincangkan Isu Kesaksamaan Gender dalam Majalah <i>Wanita</i> dan <i>Nona</i> .....	145
Jadual 26	Artikel Rencana Majalah <i>Wanita</i> Edisi Januari 2017 (halaman 68) .....	147
Jadual 27	Artikel Rencana Majalah <i>Wanita</i> Edisi Februari 2017 (halaman 56) .....	149
Jadual 28	Artikel Rencana Majalah <i>Wanita</i> Edisi Mac 2017 (halaman 72) .....	151
Jadual 29	Artikel Rencana Majalah <i>Wanita</i> Edisi Januari 2017 (halaman 72) .....	153
Jadual 30	Artikel Rencana Majalah <i>Wanita</i> Edisi November 2016 (halaman 56) .....	155
Jadual 31	Artikel Rencana Majalah <i>Nona</i> Edisi Januari 2017 (halaman 44) .....	157
Jadual 32	Artikel Rencana Majalah <i>Nona</i> Edisi Februari 2017 (halaman 72) .....	159
Jadual 33	Artikel Rencana Majalah <i>Nona</i> Edisi Oktober 2016 (halaman 54) .....	161
Jadual 34	Artikel Rencana Majalah <i>Nona</i> Edisi Disember 2016 (halaman 44) .....	163
Jadual 35	Artikel Rencana Majalah <i>Nona</i> Edisi Mac 2017 (halaman 48) .....	165
Jadual 36	Kulit Hadapan Majalah <i>Nona</i> Edisi Oktober 2016 .....	172
Jadual 37	Kulit Hadapan Majalah <i>Nona</i> Edisi November 2016 .....	175
Jadual 38	Kulit Hadapan Majalah <i>Nona</i> Edisi Disember 2016.....	178

Jadual 39	Kulit Hadapan Majalah <i>Nona</i> Edisi Januari 2017 .....	180
Jadual 40	Kulit Hadapan Majalah <i>Nona</i> Edisi Februari 2017 .....	182
Jadual 41	Kulit Hadapan Majalah <i>Nona</i> Edisi Mac 2017 .....	185
Jadual 42	Kulit Hadapan Majalah <i>Wanita</i> Edisi Oktober 2016 .....	188
Jadual 43	Kulit Hadapan Majalah <i>Wanita</i> Edisi November 2016 .....	190
Jadual 44	Kulit Hadapan Majalah <i>Wanita</i> Edisi Disember 2016.....	192
Jadual 45	Kulit Hadapan Majalah <i>Wanita</i> Edisi Januari 2017 .....	195
Jadual 46	Kulit Hadapan Majalah <i>Wanita</i> Edisi Februari 2017 .....	198
Jadual 47	Kulit Hadapan Majalah <i>Wanita</i> Edisi Mac 2017 .....	201

## **SENARAI RAJAH**

	<b>Halaman</b>
Rajah 1	Kulit Hadapan Majalah <i>Nona</i> Edisi Oktober 2016 ..... 172
Rajah 2	Kulit Hadapan Majalah <i>Nona</i> Edisi November 2016 ..... 175
Rajah 3	Kulit Hadapan Majalah <i>Nona</i> Edisi Disember 2016..... 178
Rajah 4	Kulit Hadapan Majalah <i>Nona</i> Edisi Januari 2017..... 180
Rajah 5	Kulit Hadapan Majalah <i>Nona</i> Edisi Februari 2017..... 182
Rajah 6	Kulit Hadapan Majalah <i>Nona</i> Edisi Mac 2017 ..... 185
Rajah 7	Kulit Hadapan Majalah <i>Wanita</i> Edisi Oktober 2016 ..... 188
Rajah 8	Kulit Hadapan Majalah <i>Wanita</i> Edisi November 2016 ..... 190
Rajah 9	Kulit Hadapan Majalah <i>Wanita</i> Edisi Disember 2016..... 192
Rajah 10	Kulit Hadapan Majalah <i>Wanita</i> Edisi Januari 2017..... 195
Rajah 11	Kulit Hadapan Majalah <i>Wanita</i> Edisi Februari 2017..... 198
Rajah 12	Kulit Hadapan Majalah <i>Wanita</i> Edisi Mac 2017 ..... 201

## **SENARAI SINGKATAN**

DAP	Democratic Action Party
DEB	Dasar Ekonomi Baru
GMMP	Global Media Monitoring Project
KRI	Khazanah Research Institute
MRCA	Malaysia Retail Chain Association
NCWO	National Council of Women's Organizations
PRU	Pilihan Raya Umum
UOB	United Overseas Bank
WCC	Women's Centre for Change

## **SENARAI LAMPIRAN**

Lampiran A                    Jadual pengekodan

Lampiran B                    Sistem pengekodan

# **WANITA, PATRIARKI DAN KONSUMERISME: SATU ANALISIS**

## **TERHADAP DUA MAJALAH WANITA TEMPATAN**

### **ABSTRAK**

Tesis ini mengkaji pemaparan wanita dalam dua majalah wanita tempatan terpilih, iaitu *Wanita* dan *Nona*. Kajian mengenai pemaparan wanita ini memberikan fokus kepada beberapa bentuk dan darjah patriarki yang memperkuuh diskriminasi, prasangka dan stereotaip terhadap wanita dalam bidang ekonomi, sosial, politik dan media di Malaysia. Dalam konteks ini, ketidakseimbangan antara gender perlu dikenal-pasti dan dihapuskan untuk mencapai kesaksamaan gender di Malaysia. Sehubungan dengan itu, tesis ini menggunakan analisis kandungan dan analisis teks untuk mengkaji bagaimana ketidakseimbangan gender telah dipaparkan dalam media, khususnya dalam majalah wanita terpilih. Dapatan kajian telah menunjukkan bahawa wanita kini adalah lebih menonjol sebagai wanita berkerjaya dalam domain awam; namun begitu, subteks dalam majalah wanita terpilih yang masih memberikan penekanan kepada peranan domestik dan kecantikan fizikal wanita masih mengukuhkan ideologi seksis bersifat patriarki. Di samping itu, konsumerisme juga memainkan peranan besar dalam menkonstruksi suatu standard kecantikan wanita dengan memaparkan mereka sebagai konsumen kepada produk fesyen dan kecantikan. Objektifikasi wanita juga berlaku apabila kecantikan fizikal wanita telah dipergunakan sebagai komoditi oleh pengiklan untuk menjual produk-produk lain. Pemaparan wanita sedemikian dalam majalah wanita telah mengukuhkan ketidakseimbangan gender dalam masyarakat.

# **WOMEN, PATRIARCHY AND CONSUMERISM: AN ANALYSIS OF TWO LOCAL WOMEN'S MAGAZINES**

## **ABSTRACT**

This thesis examines the portrayal of women in two selected local women's magazines, namely *Wanita* and *Nona*. This study of women's representation focuses on various forms and degrees of patriarchy that perpetuate discrimination, prejudice and stereotype towards women in the areas of economy, social, politics and media in Malaysia. In this context, gender imbalance need to be identified and eliminated in order to achieve gender equality in Malaysia. With this in mind, this thesis employed content analysis and textual analysis to study how gender inequalities are represented in the media, particularly in the selected women's magazines. The results show that women are now more prominent in the public domain as career women; however, the subtexts in those magazines that give emphasis to women's domestic roles as well as physical appearance are still reinforcing sexist ideology of patriarchy. Besides, consumerism also plays a big role in influencing the portrayal of standardised beauties of women by constructing them as consumers for fashion and beauty products. Objectification of women has occurred when female physical beauty is used as a commodity by advertisers to help sell different commodities. Such portrayals of women in women's magazines reinforce gender inequality in the society.

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.0 Pengenalan**

Ketidakseimbangan gender merupakan satu isu yang lama dibincangkan dan dipertikaikan. Banyak kajian dan laporan seperti Global Gender Gap Report<sup>1</sup> dan Global Media Monitoring Project (GMMP)<sup>2</sup> telah membuktikan bahawa ketidakseimbangan gender berlaku dalam aspek politik, ekonomik, sosial dan media. Selain daripada itu, Daniela Ligiero yang merupakan naib presiden kepada *Girls and Women Strategy at the United Nations Foundation* juga menegaskan bahawa masalah ketidakseimbangan gender masih wujud di mana-mana tempat di dunia kini<sup>3</sup> dan Malaysia juga tidak terkecuali daripada mengalami masalah ketidakseimbangan ini.

Global Gender Gap Report merupakan satu indeks yang telah mengukur ketidakseimbangan gender dalam 144 buah negara. Laporan yang diterbitkan oleh Forum Ekonomi Dunia ini mengukur jurang ketidakseimbangan gender sesebuah negara dari segi empat aspek utama iaitu peluang dan penyertaan ekonomi, pencapaian pendidikan, kesihatan dan kemandirian, dan penguasaan politik. Berdasarkan *Global Gender Gap Report 2017*, Malaysia hanya berada pada kedudukan ke-104 dan didahului oleh negara-negara jirannya di rantau Asia

---

<sup>1</sup> Global Gender Gap Report [http://www3.weforum.org/docs/WEF\\_GGGR\\_2017.pdf](http://www3.weforum.org/docs/WEF_GGGR_2017.pdf)

<sup>2</sup> Global Media Monitoring Project 2015

[http://cdn.agilitycms.com/who-makes-the-news/Imported/reports\\_2015/national/Malaysia.pdf](http://cdn.agilitycms.com/who-makes-the-news/Imported/reports_2015/national/Malaysia.pdf)

<sup>3</sup> Gender equality? It doesn't exist anywhere in the world  
<https://www.latimes.com/world/global-development/la-fg-global-womens-rights-story.html>

Tenggara seperti negara Filipina (ke-10), Laos (ke-64), Singapura (ke-65), Vietnam (ke-69), Thailand (ke-75) dan Indonesia (ke-84). Berdasarkan laporan tersebut, walaupun wanita di Malaysia kurang menghadapi ketidakseimbangan dalam bidang pendidikan; wanita masih mengalami ketidakseimbangan dalam bidang ekonomi dan politik di Malaysia.

### **1.1 Latar Belakang Kajian**

Malaysia merupakan sebuah negara yang kuat terpengaruh dengan budaya patriarki. Patriarki merupakan satu sistem masyarakat yang mengagungkan kuasa dan penguasaan lelaki dalam pelbagai bidang dan aspek kehidupan seperti politik, ekonomi dan sosial. Sistem ini memberikan keutamaan dan keistimewaan kepada lelaki lalu menyebabkan pengagihan sumber dan kuasa yang tidak seimbang telah berlaku terhadap gender-gender lain. Dalam konteks ini, wanita sering menjadi golongan subordinat di dalam masyarakat yang dikuasai oleh lelaki dan mengalami pelbagai ketidakseimbangan dalam kehidupan. Fenomena sedemikian juga dapat diperhatikan di Malaysia. Seperti yang telah dibuktikan dalam *Global Gender Gap Report 2017*, wanita masih menghadapi ketidakseimbangan gender dalam bidang politik dan ekonomi dengan tahap keseriusan yang berbeza di Malaysia.

Namun begitu, bekas Perdana Menteri Malaysia, Najib Razak, pada tahun 2012 telah memberikan pernyataan bahawa pergerakan menuntut hak wanita tidak lagi diperlukan di Malaysia kerana kesaksamaan hak wanita telah diiktiraf sejak awal lagi<sup>4</sup>. Menurut beliau yang dilaporkan dalam media, hak kewarganegaraan seperti hak mengundi dan hak pendidikan telah dinikmati oleh wanita dan lelaki pada masa

---

<sup>4</sup> PM: Pergerakan hak wanita tak perlu di M'sia  
<https://www.malaysiakini.com/news/210488>

yang sama. Tambahan lagi, beliau bergurau bahawa pencapaian wanita dalam bidang pendidikan telah melebihi lelaki dan mengancam kedudukan lelaki dalam masyarakat. Penyataan sedemikian sebenarnya amat bersifat patriarki kerana beliau mengakui bahawa kedudukan lelaki dalam masyarakat Malaysia adalah lebih tinggi daripada wanita dan tidak boleh digugat oleh kejayaan wanita. Pada masa yang sama, hujah sedemikian mengenai kesaksamaan wanita juga adalah tidak komprehensif kerana ia tidak mengambil kira bentuk dan darjah ketidakseimbangan yang masih dihadapi oleh wanita dalam bidang-bidang lain seperti politik dan ekonomi. Dalam erti lain, kejayaan wanita dalam salah satu bidang tidak membantu mencapai kesaksamaan gender di Malaysia kerana pengaruh patriarki yang mempunyai bentuk dan darjah keseriusan yang berbeza ini masih menimbulkan ketidakseimbangan kepada wanita.

Di samping itu, bekas Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Rafidah Aziz, juga mempunyai pandangan yang serupa dengan bekas Perdana Menteri, Najib Razak. Beliau berpendapat bahawa negara Malaysia amat bergiat dalam usaha menggalakkan pembangunan wanita berbanding negara lain, maka perkataan “feminisme” tidak lagi diperlukan dalam kehidupan harian masyarakat Malaysia<sup>5</sup>. Dalam ucapan beliau, polisi kerajaan seperti penetapan kuota sebanyak 30 peratus kepada wanita sebagai ahli lembaga pengarah dalam sektor korporat hanya memandang rendah terhadap kecekapan dan keupayaan wanita. Tambah beliau, bilangan wakil politik wanita dalam peringkat pembuat keputusan seperti ahli parlimen dan ketua pegawai eksekutif adalah tidak penting kerana wanita harus memfokuskan keupayaan individu dan tidak perlu mempolitikkan isu-isu wanita

---

<sup>5</sup> Rafidah wants end to the use of the term ‘feminism’

<https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2016/02/18/rafidah-wants-end-to-the-use-of-the-term-feminism/>

dengan pandangan gender dan feminism. Namun demikian, pandangan beliau mengenai pergerakan wanita adalah amat dangkal kerana beliau tidak mengambil kira ketidakseimbangan yang ketara dilaporkan dalam bidang politik, ekonomi sosial dan media. Ketidakseimbangan yang dialami oleh wanita seperti kekurangan peluang untuk memegang jawatan pembuat keputusan akan menyebabkan keupayaan wanita tidak dapat digunakan secara maksimum. Selain itu, walaupun wanita kini kelihatan lebih aktif dalam domain awam, tetapi ketidakseimbangan yang dihadapi oleh sebahagian besar wanita di Malaysia ini masih merupakan suatu isu kolektif yang sukar diatasi dengan usaha individu. Oleh itu, kuantiti wanita pada peringkat pembuat keputusan memang adalah sangat penting supaya suara wanita dari pelbagai peringkat dapat didengari, dibincangkan dan diselesaikan di peringkat Kabinet Malaysia.

Walaupun wujud pernyataan mengenai pencapaian kesaksamaan gender oleh ahli-ahli politik di Malaysia, tetapi pandangan tersebut adalah tidak tepat kerana ketidakseimbangan gender yang wujud dalam bidang politik dan ekonomi dapat dibuktikan dengan data-data empirikal. Contohnya, wanita di Malaysia masih mengalami ketidakseimbangan gaji di mana gaji wanita lebih rendah berbanding dengan lelaki yang berada dalam industri yang sama (rujuk Jadual 1 dan 2). Mengikut laporan *Khazanah Research Institute* (KRI) 2018, fenomena ini berlaku disebabkan oleh kuasa perunding lelaki dalam meminta gaji tinggi yang lebih bagus dan keupayaan lelaki dalam membuat keputusan<sup>6</sup>. Akan tetapi, alasan yang diberikan ini masih adalah bermasalah di mana andaian telah dibuat berdasarkan stereotaip

---

<sup>6</sup> Khazanah Research Institute

[http://www.krinstitute.org/assets/contentMS/img/template/editor/Part2\\_KRI\\_SOH\\_2018.pdf](http://www.krinstitute.org/assets/contentMS/img/template/editor/Part2_KRI_SOH_2018.pdf)

bahawa lelaki adalah lebih berkemampuan daripada wanita dalam membuat keputusan lalu berlayak untuk memperoleh gaji yang lebih tinggi daripada wanita.

Seterusnya, Laporan *Khazanah Research Institute* (KRI) 2018 juga membuktikan bahawa walaupun wanita secara puratanya memperoleh pendidikan yang lebih tinggi daripada lelaki, tetapi penyertaan wanita dalam pasaran buruh adalah masih rendah berbanding lelaki. Hal ini demikian kerana pengaruh patriarki yang wujud dalam domain domestik telah menyebabkan wanita perlu memikul tanggungjawab mereka dalam institusi kekeluargaan lalu menyebabkan mereka kehilangan peluang untuk memperoleh pekerjaan bergaji dan menceburkan diri dalam pelbagai bidang pekerjaan yang berbeza. Berdasarkan laporan ini, kekurangan pekerja wanita dalam pasaran buruh telah selanjutnya menimbulkan fenomena ‘kelenyapan wanita’ dalam sesetengah bidang dan jawatan pekerjaan. Sehubungan dengan itu, pengaruh patriarki yang dapat diperhatikan dalam domain domestik ini bukan sahaja menyebabkan wanita terperangkap dengan peranan tradisional sebagai isteri dan suri rumah tangga, malah mereka juga dihalang daripada memasuki pasaran guna tenaga dan domain awam yang lain.

Berdasarkan laporan *Global Gender Gap Report* 2017, wanita di Malaysia juga mengalami ketidakseimbangan yang serius dalam bidang politik. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3, perwakilan wanita dalam Dewan Rakyat dari tahun 1974 hingga 2017 adalah sangat rendah, jika berbanding dengan perwakilan lelaki dalam tempoh yang sama. Walaupun terdapat peningkatan dari segi peratusan bagi tempoh tersebut, akan tetapi penambahbaikan itu adalah sangat perlahan dan tidak memadai. Hal ini demikian kerana angka tersebut sebenarnya agak jauh daripada

matlamat kerajaan yang bertekad untuk memastikan bahawa sekurang-kurangnya 30 peratus wanita memegang jawatan yang mempunyai kuasa membuat keputusan di sektor awam dan swasta. Mengikut laporan yang dilakukan oleh *Inter-Parliamentary Union* pada tahun 2017, Malaysia hanya menduduki tempat ke-146 daripada 190 buah negara yang dikaji kerana perwakilan wanita dalam Kabinet Malaysia masih kurang daripada 10%.

Walaupun terdapat usaha dalam mempergiat pembangunan wanita di Malaysia, tetapi Maria Chin Abdullah yang merupakan seorang aktivis pada masa tersebut, dalam penerbitan beliau *Expanding Democracy, Enlarging Women' Space* (2005), telah menghujah bahawa nilai-nilai patriarki yang wujud dalam parti politik dan jentera kerajaan telah menyebabkan wanita tidak mendapat ruang yang sepatutnya dalam politik di Malaysia (L. Lim, 2013). Pengaruh dan kuasa patriarki yang berakar umbi dalam arena politik ini telah menyebabkan pemimpin lelaki adalah lebih diutamakan lalu diberikan kuasa dan sumber yang lebih untuk membuat dasar dan keputusan yang berkaitan dengan kebijakan rakyat. Dalam erti lain, ruang politik yang bertindak sebagai satu bentuk patriarki dalam domain awam ini telah menjadi punca utama kepada fenomena perwakilan pemimpin wanita yang rendah di Malaysia. Fenomena ini juga menandakan bahawa suara dan pandangan wanita untuk mengutarakan ketidakseimbangan terhadap wanita juga akan berkurangan dan jarang diberikan keutamaan.

Di samping itu, Maria Chin Abdullah juga menunjukkan bahawa media-media membantu mengukuhkan lagi pengaruh patriarki dalam bidang politik Malaysia dengan memaparkan imej-imej negatif serta menitikberatkan peranan

domestik ahli-ahli politik wanita dalam media (L. Lim, 2013). Pemaparan sedemikian bukan sahaja mengukuhkan pandangan stereotaip terhadap wanita, malah juga menyebabkan rakyat turut mempertikaikan keupayaan wanita pada peringkat pembuat dasar. Dalam konteks ini, walaupun wanita kini mempunyai peluang yang lebih untuk menyuarakan suara mereka di Parlimen, tetapi mesej-mesej patriarki yang cuba memandang rendah dan memperkecil wanita masih banyak diperhatikan dan disalurkan melalui media. Dalam erti lain, darjah patriarki yang dapat dikesan dalam politik dan media ini telah menyekat peluang dan potensi wanita untuk menceburkan diri dalam politik dan domain awam lain.

Dalam konteks ini, darjah patriarki boleh difahami sebagai tahap keseriusan ketidakseimbangan terhadap wanita dalam sesuatu aspek atau bidang, dan dalam contoh ini, mesej-mesej patriarki yang memperkecil wanita merupakan darjah patriarki yang dapat diperhatikan dalam dunia politik. Ketidakseimbangan terhadap wanita akan terus berlaku di Malaysia sekiranya darjah patriarki seperti usaha memperkecil wanita tidak dihapuskan secara sepenuhnya.

Jadual 1: Bilangan Penerima Gaji Bulanan dan Gaji Bulanan Purata bagi Lelaki dan Wanita dari Tahun 2013 hingga 2017

Tahun	Bilangan Penerima Gaji Bulanan ('000)		Gaji Bulanan Purata (RM)	
	Lelaki	Wanita	Lelaki	Wanita
2013	4,784.2	3,118.9	2,259	2,072
2014	5,070.7	3,321.8	2,455	2,259
2015	5,049.4	3,299.2	2,558	2,380
2016	5,034.4	3,389.7	2,741	2,532
2017	5,143.8	3,520.9	2,954	2,772

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2018)

Jadual 2: Gaji Bulanan Lelaki dan Wanita Secara Purata Mengikut Pekerjaan dan Jantina Tahun 2017

Pekerjaan	Gaji Bulanan (RM)	
	Lelaki	Wanita
Pengurus	8,346	6,696
Profesional	5,759	4,572
Juruteknik dan profesional bersekutu	3,349	3,166
Pekerja sokongan perkeranian	2,498	2,105
Pekerja perkhidmatan dan jualan	2,020	1,566
Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan dan perikanan	2,212	1,319
Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan	1,962	1,433
Operator mesin dan loji, dan pemasang	1,975	1,477
Pekerja asas	1,616	1,298

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2018)

Jadual 3: Peratusan Perwakilan Wanita di Parlimen (Dewan Rakyat) Malaysia dari tahun 1974 hingga tahun 2017

Tahun	Lelaki	Wanita	Jumlah	Peratusan (%)
1974	149	5	154	3.25
1978	147	7	154	4.55
1982	146	8	154	5.19
1986	168	9	177	5.08
1990	171	9	180	5.00
1995	177	15	192	7.81
1999	179	14	193	7.25
2004	199	20	219	9.13
2008	198	24	222	10.81
2013	199	23	222	10.36
2017	198	24	222	10.81

Sumber: Dipetik daripada <http://www.ipu.org/>

Di samping itu, satu lagi darjah patriarki yang dapat dikesan dalam arena politik Malaysia ialah penggunaan bahasa yang berunsur seksis di arena politik, terutamanya terhadap ahli politik wanita. Bahasa yang berunsur seksis merujuk kepada penggunaan bahasa-bahasa kesat berbaur lucah yang bertujuan untuk memalukan dan menghinakan seseorang individu berdasarkan gender masing-masing.

Contohnya pada 21hb November 2016, bekas Timbalan Menteri Pertanian dan

Industri Asas Tani, Tajuddin Abdul Rahman telah menggelar Teresa Kok sebagai satu-satunya perempuan yang ada ‘kok’ di kawasan parlimen Seputeh<sup>7</sup>. Gelaran tersebut membangkitkan kemarahan anggota parlimen pembangkang pada masa itu kerana sebutan nama ‘kok’ semirip dengan istilah bagi alat kelamin lelaki dalam bahasa Inggeris lalu mendesak Tajuddin supaya menarik balik kenyataan tersebut. Walau bagaimanapun, beliau tidak diambil sebarang tindakan bagi sindiran yang berbaur seksis itu. Dalam kejadian ini, fenomena sedemikian jelas menunjukkan bahawa wanita yang mempunyai pengaruh dan kuasa politik ini masih mudah menjadi mangsa kepada penghinaan seksis, iaitu satu darjah patriarki yang tidak seimbang terhadap wanita, dalam ruang politik yang bersifat patriarki di Malaysia.

Seterusnya, calon *Democratic Action Party* (DAP) di Kulai, Teo Nie Ching juga pula telah dihina melalui risalah-risalah komik bahasa Cina semasa berkempen untuk Pilihan Raya Umum (PRU) ke-13. Kedua-dua risalah tersebut didapati telah mempersoalkan keupayaan beliau sebagai wakil rakyat dengan secara stereotaipnya menekankan peranan dan tanggungjawab wanita dalam domain domestik. Stereotaip merujuk kepada suatu tanggapan atau pra-andaian yang ditetapkan terhadap sesuatu perkara atau sekumpulan orang, dan pemikiran sedemikian selalunya adalah kurang tepat dalam kehidupan realiti. Contohnya dalam kejadian Teo ini, salah satu risalah telah mempertikaikan kemampuan beliau yang juga merupakan seorang ibu dalam menjaga kebajikan masyarakat di kawasan pilihan rayanya. Risalah lain pula memfitnahkan calon wanita ini akan mempergunakan penampilan diri dan kecantikan untuk mendapatkan sokongan daripada rakyat. Perbuatan sedemikian sebenarnya merupakan satu darjah patriarki yang bertujuan untuk mengukuhkan

---

<sup>7</sup> Timbalan Menteri: Teresa perempuan ada ‘kok’  
<https://www.malaysiakini.com/news/363567>

ketidakseimbangan antara gender dalam politik dengan mempergunakan stereotaip bahawa wanita seharusnya berada dalam domain domestik dan tidak berkemampuan untuk melibatkan diri pada peringkat pembuat dasar. Dalam kejadian ini, beliau telah mengkritik bahawa taktik kotor yang memburuk-burukkan seseorang calon wanita adalah tidak beretika dan juga merupakan suatu penghinaan kepada wanita dan lelaki.

Sehubungan dengan itu, kedua-dua peristiwa ini jelas menunjukkan bahawa persepsi terhadap wanita secara stereotaip ini telah diperalatkan oleh sesetengah pihak untuk membantu mereka kekal berada pada peringkat pembuat dasar dan menikmati kuasa dan sumber yang berlebihan dalam masyarakat Malaysia. Dalam konteks ini, arena politik dapat digolongkan sebagai satu bentuk patriarki dalam domain awam, manakala penggunaan bahasa yang seksis dan pertikaian terhadap keupayaan wanita dengan menekankan peranan domestik mereka pula merupakan darjah patriarki yang dapat digunakan untuk mengukuhkan kuasa patriarki dalam masyarakat lalu menimbulkan ketidakseimbangan kepada wanita dan gender-gender lain.

Selain daripada alat untuk memperkuuh kuasa patriarki, stereotaip terhadap wanita ini sebenarnya telah pun tersemai dalam masyarakat di Malaysia, khususnya golongan wanita. Dalam konteks ini, Wang (2006) mengatakan bahawa wanita kini masih melihat diri mereka sebagai peranan sokongan yang membantu lelaki untuk merayukan undi dalam parti politik. Mereka yang kuat terpengaruh dengan nilai-nilai patriarki kurang melihat diri sebagai pemimpin atau calon pilihan raya. Tambah beliau, media massa sebenarnya juga membantu menyumbang kepada pengukuhan pengaruh patriarki dalam kalangan masyarakat Malaysia. Contohnya, media cetak

seperti surat khabar sering melaporkan ucapan-ucapan sesetengah pemimpin lelaki yang berasaskan stereotaip terhadap wanita. Pernyataan seperti wanita cantik tidak patut dilantik sebagai kakitangan kerajaan atau wanita tidak patut bekerja malam supaya dapat melaksanakan peranan isterinya dalam rumah sering dapat diperhatikan dalam media-media cetak. Dalam erti lain, pemaparan darjah patriarki melalui media telah mengehadkan peranan wanita dalam domain domestik lalu menghalang mereka daripada melaksanakan tanggungjawab dan keupayaan masing-masing dalam domain awam.

Jadual 4 : Kes Keganasan Terhadap Wanita yang Dilaporkan di Malaysia (2006 - 2015)

Tahun	Kes Tangan Tangga	Rumah Rogol	Gangguan di Tempat Kerja Seksual
2006	3, 264	2, 431	101
2007	3, 756	3, 098	195
2008	3, 769	3, 409	-
2009	3, 643	3, 626	-
2010	3, 173	3, 595	19
2011	3, 277	3, 301	39
2012	3, 488	2, 998	34
2013	4, 123	2, 767	13
2014	4, 807	2, 349	-
2015	5, 014	2, 124	-
Jumlah	38, 314	29, 698	401

Sumber: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Polis Diraja Malaysia (2007-2009), & Parlimen (2010-2016), yang dipetik daripada *Women's Centre for Change* (WCC) (2016)

Selain daripada sektor politik dan ekonomi, ketidakseimbangan gender juga dapat dilihat dalam kehidupan sosial masyarakat dalam domain domestik dan domain awam. Berdasarkan maklumat diperoleh daripada *Women's Centre for Change*

(WCC), kes-kes keganasan terhadap wanita seperti keganasan rumah tangga, kes rogol dan sebagainya masih mencatat bilangan yang membimbangkan di Malaysia<sup>8</sup>.

Berdasarkan Jadual 4, bilangan kes keganasan rumah tangga adalah tertinggi dengan mencatat sebanyak 38, 314 kes dari tahun 2006 hingga tahun 2015. Hal ini juga bermaksud sebanyak 10 kes keganasan rumah tangga telah berlaku setiap hari dalam tempoh 10 tahun tersebut. Seterusnya, Jadual 4 juga menunjukkan bahawa kes keganasan rumah tangga telah meningkat sebanyak 1,750 kes atau bersamaan dengan 53.62% dari tahun 2006 ke tahun 2015. Angka ini sebenarnya adalah amat membimbangkan kerana wanita yang kini aktif dalam domain awam masih tidak dapat membawa perubahan yang ketara terhadap ketidakseimbangan gender yang dihadapi dalam domain domestik. Dalam konteks ini, rumah tangga telah bertindak sebagai satu bentuk patriarki dalam domain domestik, di mana wanita telah mengalami ketidakseimbangan yang diakibatkan oleh kuasa patriarki yang berada dalam institusi kekeluargaan.

Di samping itu, keganasan terhadap wanita juga berlaku dalam domain awam seperti jenayah rogol dan gangguan seksual di tempat kerja. Berdasarkan Jadual 4, kes rogol juga mencatat bilangan yang membimbangkan, iaitu sebanyak 29, 698 kes dari tahun 2006 hingga 2015. Walaupun kes rogol menampakkan penurunan sebanyak 307 kes, atau bersamaan dengan 12.63% dalam tempoh yang sama, tetapi bilangan kes tersebut sebenarnya pernah mencecah melebihi 3, 000 kes antara tahun 2007 dengan tahun 2011. Seterusnya, meskipun gangguan seksual yang berlaku di tempat kerja mempunyai angka yang rendah (401 kes) dalam tempoh tersebut, akan

---

<sup>8</sup> Women's Centre for Change <http://wccpenang.org/statistic-research/>

tetapi data ini jelas memberikan gambaran bahawa wanita kini yang mempunyai penglibatan tinggi dalam domain awam masih tidak dapat menikmati kesaksamaan gender yang sebenar. Namun begitu, data-data ini hanya menunjukkan bilangan kes yang telah dilaporkan kepada pihak berkuasa, bayangkanlah betapa seriusnya masalah ini apabila banyak kes-kes keganasan terhadap wanita tidak dilaporkan atas sebab-sebab tertentu<sup>9</sup>.

Walau bagaimanapun, Ariffin (1999) mengatakan bahawa mangsa-mangsa yang mengalami keganasan tersebut biasanya akan disalahkan dan bukannya penjenayah. Menurut beliau, fenomena ini biasanya berlaku dalam kalangan mangsa-mangsa rogol dan pemikiran sebegini selalunya dapat didengari dalam media dan ucapan-ucapan awam. Mangsa-mangsa tersebut telah dipersalahkan kerana berpakaian menjolok mata lalu menyebabkan penjenayah mempunyai peluang untuk melakukan keganasan seksual terhadap mereka. Sebagai contoh, media melaporkan MP Pas Siti Zailah Mohd Yusoff mendakwa bahawa pemakaian seluar dan skirt yang terlalu pendek di tempat awam merupakan salah satu punca berlakunya jenayah seks melibatkan wanita. Oleh itu, beliau meminta Menteri Pembangunan Wanita supaya memperketat etika pemakaian wanita di tempat awam bagi mengelak jenayah seksual berlaku<sup>10</sup>. Pemikiran sedemikian jelas menunjukkan bahawa wanita merupakan suatu objek terkawal yang perlu mematuhi etika pemakaian berdasarkan piawaian yang ditetapkan oleh masyarakat patriarki. Wanita yang tidak dapat menepati standard tersebut akan dipertikaikan dan dipersalahkan berdasarkan seksualiti walaupun mereka merupakan mangsa kepada jenayah keganasan seksual. Dalam konteks ini,

---

<sup>9</sup> Ramai mangsa keganasan rumah tangga tidak buat laporan polis  
<http://www.utusan.com.my/berita/parlimen/ramai-mangsa-keganasan-rumah-tangga-tidak-buat-laporan-polis-1.106389>

<sup>10</sup> MP: Wanita pakai skirt pendek punca jenayah seksual  
<https://www.malaysiakini.com/news/235313>

budaya yang cenderung mempersalahkan mangsa merupakan satu darjah patriarki yang dapat diperhatikan dalam masyarakat dan selalunya dipaparkan dalam media, dan pemaparan ketidakseimbangan tersebut dalam media telah selanjutnya memperkuuh pengaruh patriarki dalam masyarakat Malaysia.

Di samping itu, pemikiran yang lebih cenderung untuk menyebelahi penjenayah juga dapat ditemui dalam media. Contohnya, satu artikel yang bertajuk ‘Elakkan berpakaian seksi’ telah dipaparkan di surat khabar *Kosmo!*. Artikel ini mengatakan bahawa pemakaian baju yang seksi boleh menimbulkan rasa giur dan membuatkan nafsu lelaki tidak terkawal lalu mendorong ke arah seks dan rogol. Sehubungan dengan itu, etika pemakaian yang sopan dan berlandaskan syariat tidak akan menarik perhatian dan meningkat nafsu lelaki<sup>11</sup>. Akan tetapi, wanita masih menjadi sasaran penjenayah walaupun tidak berpakaian seksi. Satu laporan media mengenai temu bual dengan seorang Pegawai Perhubungan Awam AMANITA PDRM, mengatakan bahawa mangsa yang memakai baju kurung pun mudah menjadi sasaran penjenayah. Menurut beliau, aksesori lain seperti beg tangan dan sebagainya yang dipakai oleh wanita juga berisiko menjadi senjata kepada penjenayah<sup>12</sup>.

Maka berdasarkan beberapa contoh di atas, penyelidik mendapati bahawa mangsa wanita dalam kes-kes keganasan tersebut selalunya dipertanggungjawabkan atas ketidakseimbangan yang berlaku terhadap mereka, sebaliknya penjenayah yang tidak mampu mengawal nafsu sendiri pula kurang dipersalahkan. Dalam konteks ini,

---

<sup>11</sup> Elakkan berpakaian seksi

[http://ww1.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2008&dt=0222&pub=Kosmo&sec=Famili&pg=fa\\_02.htm](http://ww1.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2008&dt=0222&pub=Kosmo&sec=Famili&pg=fa_02.htm)

<sup>12</sup> Wanita berbaju kurung menjadi sasaran penjenayah

<http://www.sinarharian.com.my/wanita-berbaju-kurung-jadi-sasaran-penjenayah-1.204097>

pengaruh patriarki dalam masyarakat telah menyebabkan kedudukan wanita adalah lebih subordinat daripada lelaki dan fenomena ini telah memberikan gambaran palsu kepada sesetengah pihak bahawa mereka mempunyai kuasa untuk menguasai wanita dengan mengawal seksualiti mereka dalam pelbagai cara. Pada masa yang sama, media pula membantu mengukuhkan pengaruh patriarki ini dengan memaparkan darjah-darjah patriarki yang kurang seimbang terhadap wanita, contohnya pernyataan yang mempersalahkan mangsa rogol sering dipaparkan dalam media dan hal ini akan selanjutnya mewajarkan dan merasionalkan kuasa patriarki dan ketidakseimbangan antara gender dalam masyarakat Malaysia.

Walau bagaimanapun, fenomena ini telah bertambah rumit kepada masalah sosial yang lebih serius apabila penggunaan bahasa kesat yang tajam dan *victim blaming* didapati kerap berlaku dalam media sosial. Berdasarkan satu laporan media, Malaysia merupakan salah satu negara yang mempunyai masalah buli siber yang serius berbanding negara-negara lain<sup>13</sup>. Menurut kajian yang diperoleh dalam berita tersebut, sebanyak 23% ibu bapa di Malaysia telah mendakwa bahawa anak mereka menjadi mangsa buli siber pada tahun 2018. Sesetengah mangsa yang menderita daripada penghinaan di media sosial telah membuat keputusan untuk membunuh diri<sup>14</sup>. Salah satu insiden yang berlaku baru-baru ini ialah kejadian Nurul Izzah Anwar, ahli Parlimen Permatang Pauh, yang telah ditegur secara terbuka oleh seorang audiens lelaki dalam suatu program siaran langsung di media sosial *Facebook*. Audiens tersebut telah mengkritik pemakaian beliau yang terlalu ketat

---

<sup>13</sup> Malaysia sixth-worst in global cyber-bullying ladder, survey shows  
<https://www.malaymail.com/s/1687181/malaysia-sixth-worst-in-global-cyber-bullying-ladder>

<sup>14</sup> ‘Cremate my body. No need tombstone and funeral. Goodbye’  
<https://www.thestar.com.my/news/nation/2017/05/04/cremate-my-body-no-need-tombstone-and-funeral-goodbye/>

semasa berada di tempat awam sehingga menyebabkannya ternampak baju dalam dan buah dada<sup>15</sup>. Walaupun pengkritik lelaki tersebut telah dikecam hebat oleh masyarakat Malaysia, tetapi dia tidak diambil sebarang tindakan undang-undang. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa wanita di Malaysia, tanpa mengira bangsa dan kuasa, masih menghadapi ketidakseimbangan secara bersama dalam masyarakat yang terpengaruh dengan budaya patriarki ini.

Secara rumusnya, ketidakseimbangan dalam bidang politik di Malaysia dapat dilihat melalui perwakilan wanita yang rendah di peringkat pembuat keputusan dan penghinaan seksis terhadap ahli politik wanita. Seterusnya, ketidakseimbangan dalam sektor ekonomi pula berlaku dari segi jurang gaji antara lelaki dan wanita dan penyertaan wanita dalam pasaran kerja yang rendah berbanding lelaki manakala ketidakseimbangan yang berlaku dalam konteks sosial pula dapat dilihat melalui keganasan seksual terhadap wanita dan ideologi yang digunakan cenderung untuk mempersalahkan mangsa yang mengalami gangguan dan keganasan seksual. Pada masa yang sama, ketidakseimbangan yang dialami oleh wanita ini menjadi rintangan kepada wanita-wanita untuk mendapatkan layanan yang seimbang dari aspek ekonomi, politik dan sosial, seperti melaksanakan tugas-tugas tertentu seperti pembuat dasar atau memperoleh gaji yang serupa dengan lelaki. Ariffin (1999) mengatakan bahawa fenomena sebegini sebenarnya bukan disebabkan oleh kekurangan keupayaan wanita tetapi dipengaruhi oleh sistem patriarki yang telah berakar umbi dalam masyarakat Malaysia yang tidak seimbang dari segi gender.

---

<sup>15</sup> Watch: Man criticises Nurul Izzah's style of dress, says he can see her underwear, breasts <https://www.nst.com.my/news/nation/2018/05/373276/watch-man-criticises-nurul-izzahs-style-dress-says-he-can-see-her>

Sehubungan dengan itu, data-data empirikal yang ditunjukkan telah membuktikan bahawa kuasa patriarki ini bukan sahaja masih wujud dalam domain domestik dan domain awam, malah ia juga masih menimbulkan ketidakseimbangan kepada wanita dalam kedua-dua domain tersebut. Hal ini telah menunjukkan bahawa pencapaian wanita dalam bidang pendidikan tidak membawa kesaksamaan gender sebenar kepada wanita kerana bentuk dan darjah patriarki yang berbeza yang dapat diperhatikan dalam bidang politik, ekonomi dan sosial ini masih menyebabkan wanita dikuasai oleh lelaki. Pada masa yang sama, kajian akademik dan data-data empirikal juga menunjukkan bahawa kuasa patriarki ini juga dapat dikesan dalam media, khususnya melalui pemaparan ketidakseimbangan dan darjah patriarki dalam media. Contohnya, *Global Media Monitoring Project (GMMP)*<sup>16</sup> telah membuktikan bahawa media berita Malaysia tidak memberikan perhatian yang seimbang kepada kehidupan wanita. Berdasarkan GMMP 2015, kewujudan wanita sebagai subjek berita dalam media tradisional adalah sangat rendah dengan hanya membentuk 8% secara keseluruhan dan data tersebut telah membuktikan bahawa tiada penambahbaikan dalam isu ini, malah menampakkan regresi sebanyak 7% jika berbanding dengan data GMMP 2010.

Hal ini bertambah kritikal apabila GMMP 2015 juga menunjukkan bahawa lelaki sering wujud sebagai subjek utama dalam berita yang bertemakan politik, ekonomi, kerajaan dan perundangan manakala wanita sering dipaparkan dalam peranan domestik mereka, seperti ibu, isteri dan anak perempuan.

---

<sup>16</sup> GMMP merupakan satu penyelidikan dan usaha yang bertujuan untuk menyedarkan khalayak ramai mengenai ketidakseimbangan gender yang diperkuuh dalam dan melalui berita.

[http://cdn.agilitycms.com/who-makes-the-news/Imported/reports\\_2015/national/Malaysia.pdf](http://cdn.agilitycms.com/who-makes-the-news/Imported/reports_2015/national/Malaysia.pdf)

Ketidakseimbangan dari segi pemaparan ini telah menjadikan lelaki sebagai pembuat berita<sup>17</sup> yang nyata dalam media. Suara wanita yang ingin menuntut perubahan dalam menghapuskan ketidakseimbangan dalam pelbagai bidang ini akan kurang didengari dan disebarluaskan melalui media. Fenomena sedemikian telah menunjukkan bahawa pengaruh patriarki dalam masyarakat Malaysia yang lebih mementingkan kuasa lelaki juga dapat dicerminkan melalui pemaparan gender dalam media. Pada masa yang sama, pemaparan ketidakseimbangan antara gender dalam berita tempatan ini pula membantu memperkuat kuasa dan pengaruh patriarki dalam masyarakat. Walau bagaimanapun, GMMP 2015 hanya membuat kajian terhadap berita-berita terkini yang perlu dilaporkan dalam masa yang tersingkat<sup>18</sup>, dan pemaparan gender mungkin berbeza bagi media-media yang berada dalam industri kreatif. Oleh itu, kajian ini ingin mengisi jurang dengan mengkaji pemaparan gender khususnya pemaparan wanita dalam industri kreatif seperti majalah wanita dengan mengenal pasti bentuk dan darjah patriarki yang dapat memperkuat ketidakseimbangan gender di Malaysia melalui analisis kandungan kuantitatif dan analisis teks.

## **1.2 Ketidakseimbangan Gender, Patriarki Dan Konsumerisme**

Berdasarkan senario yang telah digambarkan sebelum ini, maka boleh disimpulkan bahawa masyarakat di Malaysia kini berada dalam suatu keadaan yang dikenali sebagai ketidakseimbangan gender ujud, di mana wanita-wanita dalam negara ini masih menghadapi pelbagai ketidakadilan dan diskriminasi dalam aspek politik, ekonomi, sosial dan juga media. Menurut Ridgeway (2011), ketidakseimbangan gender merupakan satu fenomena yang dapat menampakkan suatu gender telah

---

<sup>17</sup> Newsmakers

<sup>18</sup> Hard news

diberikan keutamaan dan keistimewaan lalu menyebabkan gender lain diberikan layanan yang tidak seimbang. Menurut beliau, ketidakseimbangan tersebut berlaku kerana wujudnya tanggapan budaya (stereotaip) yang mempercayai bahawa suatu gender mempunyai ciri-ciri yang berbeza dengan gender lain. Contohnya, lelaki perlu bersifat maskulin (berani dan tabah) manakala wanita perlu melengkapkan diri dengan sifat-sifat kewanitaan seperti lemah lembut dan sebagainya. Dalam erti lain, perbezaan antara gender ini telah menyebabkan suatu gender diberikan penghormatan dan status yang lebih tinggi daripada gender yang lain lalu membawa kepada isu ketidakseimbangan gender. Hal ini demikian kerana apabila sesuatu gender berkedudukan tinggi dalam suatu budaya atau masyarakat, maka gender tersebut akan memperoleh sumber material dan kuasa dengan lebih mudah. Tambah beliau, gender merupakan satu penetapan masyarakat dan bukan sesuatu yang semula jadi. Hal ini bermaksud ketidakseimbangan gender yang berasaskan stereotaip gender ini juga merupakan sesuatu fenomena yang dapat berubah dan boleh diselesaikan.

Sehubungan dengan itu, Ridgeway (2011) telah menggambarkan ketidakseimbangan gender sebagai hierarki ordinal antara lelaki dan wanita dalam penguasaan sumber, status dan kuasa. Satu andaian yang boleh dilakukan mengenai hierarki gender ini ialah suatu gender yang berada di kedudukan yang lebih tinggi dalam hierarki gender akan mendapatkan sumber yang banyak, berstatus tinggi dan lebih berkuasa. Pada masa yang sama, perspektif masyarakat terhadap perbezaan gender ini juga menyebabkan gender yang berada di kedudukan subordinat tidak diberikan layanan yang seimbang. Sehubungan dengan itu, ketidakseimbangan yang diakibatkan oleh hierarki gender yang lebih memanfaatkan lelaki, seperti sistem

patriarki, telah menyebabkan wanita perlu bergantung kepada lelaki dalam pelbagai aspek. Contohnya, wanita yang tidak memperoleh peluang yang seimbang untuk memasuki ke dalam pasaran buruh ini perlu bergantung kepada lelaki dalam aspek ekonomi.

Menurut Walby (1990), patriarki merupakan satu struktur dan amalan sosial yang mewajarkan penguasaan, penindasan dan pengeksploitasi lelaki terhadap wanita. Tambah beliau, wanita masih mengalami ketidakseimbangan dalam enam struktur yang berbeza dalam masyarakat kontemporari ini, iaitu pekerjaan bergaji, rumah tangga, kebudayaan, seksualiti, keganasan lelaki terhadap wanita, dan negara. Dalam konteks Malaysia pula, ketidakseimbangan gender juga dapat dilihat dalam pelbagai bidang, contohnya dari segi politik yang menampakkan perwakilan wanita yang rendah di Parlimen Malaysia, wanita yang tidak menerima gaji bulanan yang seimbang dengan lelaki dalam bidang ekonomi, wanita yang masih mengalami keganasan rumah tangga, gangguan seksual dan lain-lain.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa wanita telah menikmati hak-hak kewarganegaraan sejak kemerdekaan seperti yang disebutkan dalam ucapan bekas Perdana Menteri, Najib Razak, tetapi ketidakseimbangan terhadap wanita dalam pelbagai bidang dan struktur masyarakat juga tidak harus diabaikan. Hal ini demikian kerana kebebasan wanita yang dijamin oleh status warganegara telah dieksplotasi oleh kuasa patriarki yang lebih memanfaatkan lelaki dalam pelbagai bidang seperti politik, ekonomi sosial dan juga dalam media. Contohnya dari segi politik, perwakilan wanita yang rendah di Parlimen Malaysia akan menyebabkan suara wanita jarang didengari di peringkat pembuat dasar dan keputusan. Keupayaan

wanita dalam pelbagai bidang pekerjaan juga tidak dapat dioptimumkan apabila penyertaan mereka dalam pasaran buruh telah dibatasi oleh kuasa-kuasa patriarki ini.

Justeru, Walby (1990) mengatakan bahawa patriarki perlu dibincangkan dengan lebih terperinci semasa menganalisis ketidakseimbangan gender dengan mengambil kira bentuk patriarki dan darjah patriarki. Menurut beliau, bentuk patriarki boleh difahami sebagai suatu perhubungan atau pengaruh patriarki yang dapat diperhatikan dalam suatu bidang atau sektor. Sebagai contoh, keganasan rumah tangga yang berlaku dalam kalangan wanita merupakan satu bentuk patriarki yang wujud dalam institusi kekeluargaan. Dalam konteks ini, wanita telah mengalami ketidakseimbangan dari segi gender apabila kedudukan mereka adalah lebih subordinat sehingga mengalami kekerasan dan penderaan daripada lelaki. Tambah Walby (1990), perhubungan patriarki tersebut secara amnya berlaku dalam dua domain utama, iaitu domain awam dan domain domestik. Contohnya, beliau mengatakan bahawa perhubungan patriarki masih berlaku dalam enam struktur masyarakat seperti pekerjaan bergaji, rumah tangga, institusi kebudayaan, seksualiti, keganasan terhadap wanita, dan negara. Manakala dalam konteks Malaysia, perhubungan patriarki juga berlaku dalam bidang politik, ekonomi, sosial, dan media. Misalnya, rumah tangga merupakan satu bentuk patriarki yang berada dalam domain domestik, manakala bidang politik pula merupakan salah satu bentuk patriarki yang sering dapat dilihat dalam domain awam. Dalam kajian ini pula, bentuk-bentuk patriarki dapat dikenal pasti dengan mengkaji bagaimana wanita dipaparkan melalui penempatan domain-domain tertentu berdasarkan tema-tema artikel dalam majalah wanita tempatan.

Selain daripada bentuk patriarki, Walby (1990) juga menghujahkan bahawa analisis terhadap pengaruh patriarki ini juga perlu mengambil kira darjah patriarki yang masih berlaku dalam masyarakat. Berdasarkan hujah beliau, darjah patriarki boleh dirujuk sebagai tahap keseriusan ketidakseimbangan terhadap wanita dalam sesuatu aspek dan bidang, atau boleh difahami sebagai sejauh mana perhubungan patriarki dalam masyarakat telah mempengaruhi dan memberi kesan kepada kehidupan wanita dalam domain awam dan domain domestik. Ia dapat diperbaiki apabila wujud usaha untuk mengecilkan jurang gaji antara lelaki dan wanita atau berlakunya penurunan kes-kes keganasan rumah tangga yang berlaku dalam kalangan wanita. Dalam konteks kajian ini pula, darjah patriarki pula adalah lebih kompleks, tersirat dan sukar untuk dikesan dalam media. Hal ini demikian kerana ia bukan suatu maklumat yang dapat dianalisis secara kuantitatif, malah metodologi kualitatif yang lebih mendalam adalah amat diperlukan untuk mengkaji idea-idea patriarki yang disalurkan melalui media. Contohnya, analisis teks akan digunakan untuk mengkaji aspek bahasa dan mengenal pasti ideologi yang disembunyikan dalam artikel dan advertorial.

Seterusnya dalam buku beliau, Walby (1990) juga memerhatikan bahawa wanita di Britain tidak lagi hanya mengalami ketidakseimbangan dalam domain domestik, malah ketidakseimbangan terhadap wanita juga berlaku dalam domain awam. Maka, beliau menghujahkan bahawa peralihan wanita dari domain domestik ke domain awam ini bukan sahaja menunjukkan perubahan dalam bentuk patriarki, malah ia juga dapat dilihat sebagai penambahbaikan dari segi darjah patriarki dengan menampakkan wanita telah berjaya memasuki ke dalam domain awam dan berpeluang memperoleh pekerjaan bergaji. Namun, beliau juga mengingatkan

bahawa perubahan dalam bentuk patriarki dan penambahbaikan dari segi darjah patriarki dalam salah satu aspek atau bidang tidak memberikan kesaksamaan gender sebenar kepada wanita.

Hujah Walby (1990) sebenarnya juga dapat diaplikasikan dalam konteks Malaysia. Walaupun wanita Malaysia kini berhak dan mempunyai akses yang sama dengan lelaki dalam memperoleh pekerjaan bergaji dan mengambil bahagian dalam bidang politik, tetapi hal ini tidak bermaksud mereka telah bebas daripada segala ketidakseimbangan yang masih berlaku dalam bidang politik, ekonomi, sosial dan media, seperti yang telah jelas dibincangkan tadi. Peralihan wanita dari domain domestik ke dalam domain awam ini sememangnya merupakan suatu kejayaan bagi wanita, tetapi jurang ketidakseimbangan dan darjah patriarki yang masih berlaku dalam kedua-dua domain ini perlu dihapuskan sepenuhnya untuk mencapai kesaksamaan gender. Dalam erti lain, perubahan dalam bentuk patriarki masih tidak dapat membantu mencapai kesaksamaan gender selagi darjah patriarki dari pelbagai aspek masih wujud dalam domain domestik dan domain awam.

Peralihan wanita dari domain domestik ke domain awam juga dapat diperhatikan dalam media, contohnya melalui pemaparan wanita dalam majalah wanita. Kajian akademik yang mengkaji pemaparan wanita dalam majalah wanita (Courtney & Lockeretz, 1971; Demarest & Garner, 1992; Friedan, 1963; Gauntlett, 2002; McRobbie, 2009; Sullivan & O'Connor, 1988) telah menunjukkan bahawa pemaparan wanita mengalami perubahan yang ketara di mana peranan domestik wanita seperti ibu dan suri rumah tangga telah kurang dipaparkan manakala pemaparan wanita berkerjaya yang berada di domain awam pula didapati meningkat

dari masa ke masa. Seperti yang telah dibincangkan tadi, perubahan dari segi bentuk patriarki ini tidak bermaksud jurang ketidakseimbangan yang masih berlaku dalam majalah wanita telah berkurangan lalu membantu mencapai kesaksamaan gender. Sehubungan dengan itu, kajian ini ingin mengisi jurang dengan membekalkan data-data mengenai bentuk dan darjah patriarki dalam majalah wanita tempatan supaya dapat mengenal pasti sama ada pemaparan wanita sedemikian masih memperkuuh ketidakseimbangan gender dalam masyarakat Malaysia.

Selain daripada pengaruh patriarki, kajian akademik lepas juga menunjukkan bahawa idea-idea budaya konsumerisme juga menyumbang kepada pengukuhan ketidakseimbangan gender (Iqani, 2012; McRobbie, 2009). Dalam buku McRobbie (2009), beliau telah memerhatikan bahawa majalah wanita pada masa itu tidak lagi menggambarkan wanita dalam peranan tradisional, malah wanita-wanita muda dipaparkan sebagai individu berkerjaya yang mempunyai kuasa ekonomi dan leka dengan aktiviti-aktiviti konsumerisme. Kebolehlihatan (*visibility*) dan kejayaan wanita dalam domain awam ini sememangnya merupakan suatu perkembangan yang besar dalam pergerakan wanita. Sesetengah pihak telah melihat kemajuan wanita ini sebagai pencapaian kesaksamaan gender lalu menghujahkan bahawa feminism tidak perlu diteruskan. Di samping itu, sesetengah feminis gelombang ketiga juga berpendapat bahawa fesyen dan feminism sebenarnya tidak berkonflik kerana wanita yang mementingkan penampilan individu juga dapat memperjuangkan isu-isu wanita (Waggoner & Hallstein (2001) yang dipetik daripada (Wood, 2008)).

Akan tetapi, McRobbie (2009) menghujahkan bahawa pemaparan sedemikian sebenarnya merupakan strategi sistem patriarki untuk memperkuuh penguasaan